

23 OCT 2002

S'pura-Air/I

S'PURA TIDAK TUNJUK MINAT UNTUK SELESAI ISU AIR, KATA DR MAHATHIR

SINGAPURA, 23 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Singapura tidak menunjukkan minat untuk mencapai kompromi dalam pertikaian mengenai isu air yang berpanjangan antara kedua-dua negara.

Straits Times memetik beliau sebagai berkata bahawa Singapura telah mengurangkan harga yang sedia ditawarkan daripada 45 sen bagi setiap ribu gelen sebelum ini kepada 12 sen sekarang apabila isu air dikeluarkan daripada pakej isu-isu dua hala yang tertangguh.

"Itu bukan kemajuan," kata Dr Mahathir yang menambah bahawa Singapura mengambil sikap tidak munasabah kerana tidak bersetuju kepada kenaikan harga kepada tiga sen yang dibayarnya sekarang, harga yang diputuskan pada 1927.

"Saya tidak tahu siapa yang akan bersetuju bahawa harga ini munasabah," kata Dr Mahathir semasa temubual dengan wartawan asing yang menemuinya di Putrajaya semalam.

Dr Mahathir berkata demikian ketika menjawab soalan sama ada beliau mahu memastikan semua isu-isu dua hala diselesaikan sebelum meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri Oktober tahun depan.

Tanpa menjawab terus kepada soalan, Dr Mahathir berkata Malaysia sentiasa mahukan hubungan baik dengan jiran-jirannya, Tetapi malangnya, kata Perdana Menteri kerajaan Singapura tidak menunjukkan minat untuk mencapai persetujuan mengenai isu air, kata Straits Times.

Ditanya mengapa kedua-dua pihak mengasingkan (isu air) daripada membincangkannya sebagai satu pakej, yang mungkin boleh mewujudkan ruang untuk berkompromi, beliau berkata ini kerana "setiap kali kita pergi ke Singapura, mereka hanya mahu bercakap mengenai air. Kecuali kita menyelesaikan masalah itu, kita tidak dapat berbuat apa-apa. Jadi saya kata, baiklah, mari kita tumpukan kepada air."

Dr Mahathir menambah: "Memang ada ruang untuk keseimbangan, tetapi kepada saya seolah-olah tidak ada minat di pihak Singapura untuk berkompromi."

Straits Times memetik sumber-sumber sebagai berkata bahawa 12 sen yang disebut Dr Mahathir bukan satu tawaran tetapi pengiraan yang berasaskan kepada klausa kajian semula harga dalam perjanjian air, selepas mengambil kira inflasi sepanjang 40 tahun.

-- BERNAMA

SS LAT